

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN  
[ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan dari tahun 2016 hingga 2019 di Sabah mengikut daerah, hubungan antara pelaku dan mangsa, umur pelaku dan mangsa; dan jantina (gender) pelaku dan mangsa .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. Tindakan segera akan dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah dan agensi yang berkaitan bagi memastikan segala bentuk keganasan rumah tangga dapat di bendung.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes keganasan rumah tangga bagi negeri Sabah dari tahun 2016 hingga Jun 2019 ialah sebanyak **252** kes iaitu sebanyak **84** kes di Bahagian Pantai Barat, **54** kes di Bahagian Pendalaman, **48** kes di Bahagian Tawau, **43** kes di Bahagian Sandakan dan **23** kes di Bahagian Kudat. Pecahan kes mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>Bahagian Pantai Barat:</b>	<b>Jumlah</b>
Daerah Kota Kinabalu	43
Daerah Tuaran	8
Daerah Penampang	10
Daerah Ranau	4
Daerah Papar	10
Daerah Kota Belud	9
<b>Bahagian Tawau:</b>	
Daerah Tawau	30
Daerah Lahad Datu	10
Daerah Semporna	3
Daerah Kunak	5

<b>Bahagian Sandakan:</b>	
Daerah Sandakan	36
Daerah Beluran	4
Daerah Kinabatangan	3
<b>Bahagian Pendalaman:</b>	
Daerah Beaufort	22
Daerah Keningau	20
Daerah Tenom	3
Daerah Tambunan	4
Daerah Sipitang	2
Daerah Kuala Penyu	1
Daerah Nabawan	1
Daerah Sook	1
<b>Bahagian Kudat:</b>	
Daerah Kudat	18
Daerah Kota Marudu	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>252</b>

Umur mangsa bagi tempoh 2016 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

18-21 tahun	-	32
22-39 tahun	-	146
40-59 tahun	-	71
60-74 tahun	-	3
<b>Jumlah</b>	-	<b>252</b>

Umur pelaku bagi tempoh 2016 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

18-21 tahun	-	34
22-39 tahun	-	145
40-59 tahun	-	73
<b>Jumlah</b>	-	<b>252</b>

Bagi kesemua kes, hubungan di antara mangsa dengan pelaku adalah pasangan suami isteri.

Berdasarkan statistik kes, didapati bahawa terdapat hanya satu peningkatan kes sahaja bagi tahun 2017 iaitu 89 kes berbanding 88 kes pada tahun 2016. Namun kes berkurang kepada 50 kes pada tahun 2018. Bagi tahun 2019, jumlah kes yang dilaporkan sehingga Jun 2019 adalah sebanyak 25 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 merupakan satu akta yang memberi perlindungan undang-undang kepada mangsa meliputi:

- I. Perintah Perlindungan Kecemasan / *Emergency Protection Order* (EPO)
- II. Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order* (IPO)
- III. Perintah Perlindungan / *Protection Order* (PO)

EPO dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat DiBeri Kuasa di Jabatan Kebajikan Masyarakat manakala IPO dan PO dikeluarkan oleh Majistret.

Selain itu mangsa juga boleh membuat permohonan bagi mendapatkan perlindungan sementara di Tempat Selamat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Tempat Selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau oleh mana-mana agensi atau pertubuhan sukarela lain yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud-maksud Akta Keganasan Rumah Tangga. Tempat - tempat tersebut dapat menerima mangsa keganasan rumah tangga buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membendung kes keganasan rumah tangga KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program advokasi kempen kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga dan psiko pendidikan sepanjang tahun di 15 buah negeri seluruh negara ke arah memberi kesedaran serta celik undang-undang dalam menangani kes berkaitan. Antara program yang dijalankan oleh JPW adalah seperti berikut :

1. Perkhidmatan kaunseling motivasi
2. Klinik Guaman,
3. Klinik D'Stress
4. Program Wanita Anti Jenayah (WAJA)
5. Kempen menangani keganasan terhadap wanita sepanjang tahun

JPW juga turut melatih kumpulan wanita dalam komuniti dengan ilmu asas kaunseling yang dikenali dengan kumpulan *Lay Counselor*. Kumpulan ini merupakan sukarelawan barisan hadapan membantu komuniti yang mengalami pelbagai masalah termasuklah keganasan dalam rumah tangga .

Klinik Guaman dilaksanakan dengan membincangkan isu-isu berkaitan dan tindakan yang boleh diambil oleh wanita yang mengalami keganasan rumah tangga. Manakala Klinik *De'Stress* pula memberi pendedahan personaliti diri, kemahiran asas kaunseling, kemahiran komunikasi dan teknik pengurusan emosi seperti tekanan, marah, kebimbangan dan sebagainya di peringkat Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). Program WAJA pula telah dilaksanakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat khususnya mengenai jenayah melalui seminar dan ceramah.

Selain itu, JPW telah melancarkan Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita. Kempen ini dilaksanakan sepanjang tahun dan secara berterusan di setiap program-program JPW dengan mengumpulkan tandatangan sebagai tanda menyokong kempen tersebut.

Kerajaan juga akan mewujudkan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang merupakan platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO). Platform untuk menangani keganasan rumah tangga akan berfungsi di dua peringkat iaitu di peringkat persekutuan dan negeri. Fungsi Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti isu dan masalah serta membincangkan kaedah penyelarasan yang terbaik dan *sustainable* bagi menangani

## SOALAN NO. : 241

sesuatu isu berkaitan keganasan rumah tangga yang dibangkitkan melalui keterlibatan pihak-pihak berkepentingan;

2. Sebagai pemudah cara dan perantara bagi memastikan perundangan berkaitan keganasan rumah tangga termasuk Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521], prosedur operasi standard agensi Kerajaan serta garis panduan berkaitan keganasan rumah tangga dilaksanakan dengan baik dan berkesan; dan
3. Membentuk persefahaman melalui jaringan kolaborasi strategik antara semua agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan bagi memastikan kes keganasan rumah tangga dapat diselesaikan dengan baik.